

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsi foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto beserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan [WhatsApp](https://www.whatsapp.com) 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Gotong-royong pupuk budaya prihatin

PELBAGAI cara dan pendekatan diambil oleh rakyat Malaysia dalam menzahirkan semangat cintakan negara bersempena Hari Kemerdekaan yang disambut pada 31 Ogos, setiap tahun.

Bagi Perbadanan Labuan (PL), sambutan bulan Kemerdekaan diraikan secara unik bersama komuniti melalui penganjuran Program Gotong-Royong Malaysia Prihatin di Taman Victoria, Labuan pada 29 Ogos lalu, antara usaha memupuk kerjasama dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, kerja pembersihan kawasan dan saliran longkang taman perumahan tersebut turut disertai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL, Datuk Othman Jusoh



DATUK Othman Jusoh (dua kiri) bersama warga PL serta komuniti taman perumahan sedang membersihkan saliran longkang di Taman Victoria, Labuan baru-baru ini.

dan Pengerusi MPP Sub Zon 1, Rahim Abd Salleh, adalah medan menunjukkan tanda prihatin dan saling melengkapi antara sama lain. Gotong-royong sempena Kemerdekaan anjuran Jabatan Perkhidmatan Perbandaran



DATUK Chin Hui Vui (tengah) bersama warga PL dan komuniti di Program Gotong-Royong Malaysia Prihatin di Taman Victoria, Labuan pada 29 Ogos lalu.

PL dan MPP Sub Zon 1 itu, disertai dengan kehadiran Timbalan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Labuan, Datuk Chin

Hui Vui dan petugas Tadika Rian-Q Ria Labuan selain Ahli Jawatankuasa MPP Sub Zon 1.